

13 MAR 1999

Mahathir-BN

BN TIDAK TERIMA ANGGOTA DEWAN YANG LOMPAT PARTI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Barisan Nasional, yang memenangi pilihan raya negeri Sabah dengan majoriti jelas, tidak akan menerima anggota dewan undangan negeri daripada parti-parti lain yang ingin menyertainya.

"Tidak sama sekali. Kita pernah menerima mereka, tetapi tidak kali ini," kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata demikian pada sidang berita di kediaman rasminya di Sri Perdana di sini.

Beliau ditanya sama ada BN akan menerima anggota dewan yang baru dipilih dari parti lawan jika mereka ingin melompat ke BN.

Dr Mahathir berkata pada pilihan raya negeri Sabah 1994, ahli dewan undangan negeri yang melompat dari Parti Bersatu Sabah (PBS) ke BN "adalah orang yang sedar bahawa kerajaan PBS tidak berkesan.

"Sebab itu mereka meninggalkan PBS.

"Kalau mereka terus berada dalam kerajaan PBS, PBS akan terus menjadi kerajaan. Jadi, mereka berpendapat walaupun PBS menjadi kerajaan dan mereka ada dalam PBS tetapi kerajaan PBS tidak berkesan. Sebab itu mereka pindah (ke BN)," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata situasi pilihan raya kali ini berbeza kerana PBS tidak lagi menerajui kepimpinan Sabah.

Ketika ditanya sama ada keputusan pilihan raya ini sebagai ujian bagi populariti beliau seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata: "Sehingga ke satu peringkat, ya."

"Sememangnya ada implikasi itu. Tetapi tempat-tempat lain mungkin memberi penekanan kepada isu lain," kata beliau.

Menyebut di segi ekonomi sebagai satu daripada isu-isu, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir kebanyakan mereka yang merasai tekanan kegawatan ekonomi ini seperti peniaga-peniaga nampaknya berpuas hati dengan tindakan kerajaan.

"Mereka tidak menolak tindakan yang diambil oleh kerajaan," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada keputusan pilihan raya itu satu pengiktirafan kepada kepimpinan beliau, Dr Mahathir berkata jawapan kepada soalan itu bergantung kepada penilaian orang lain dan bukan beliau.

"Tetapi ia menunjukkan bahawa Umno tetap diterima kerana kita menang semua kerusi dan BN masih mempunyai kredibiliti yang kuat," kata Presiden Umno itu.

Dr Mahathir berkata hanya sentimen perkauman yang tebal yang boleh mengalahkan BN.

"Soal-soal lain tidak berkesan dalam menentukan keputusan," kata beliau.

Beliau juga ditanya sama ada Dompok akan dilantik sebagai salah seorang enam wakil rakyat yang dilantik, sebagaimana yang dibolehkan oleh perlembagaan negeri dan beliau dibenarkan untuk menghabiskan tempoh tugasnya sebagai Ketua Menteri.

"Dompok pernah berkata dia mahu bersara dari politik, kenyataan itu juga perlu diambil kira," katanya.

Sebelum sidang berita bermula Dr Mahathir menerima panggilan daripada Dompok dan beliau menyuarakan kesedihannya presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) tewas dalam pilihan raya.

Ditanya sama ada PDS yang mengalami kekalahan teruk masih ada peranan

dalam politik Sabah, Dr Mahathir berkata parti itu masih ada peranan untuk dimainkan.

"Dua kerusi yang dimenangi parti itu adalah satu pencapaian, memandangkan cara PBS memainkan sentimen rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata BN akan mengkaji dengan teliti keputusan pilihan raya dan mengambil kira sokongan yang diberikan kepada Dompok dan juga kepada semua calon BN.

Beliau berkata jumlah 31 kerusi yang dimenangi BN memang lebih daripada jangkaan, kerana BN menyedari perasaan perkauman Kadazandusun begitu tebal dan mereka tidak akan menyokong BN, tetapi di sesetengah tempat nampaknya mereka juga menyokong BN.

-- BERNAMA

ES MNY ZB RI